

MEMO

Daripada : Mahadi Hasbullah
Pengurus Kanan, Unit Perolehan (PCT)
Kepada : YBhg. Dato' Abdul Latif Haji Abu Seman
Ketua Pengarah, MPC
Disokong oleh : Mohd Yazid Abdul Majid
Pengarah, Bahagian Khidmat Pengurusan dan Kewangan (MSF)
Tarikh : 30 November 2020

**Tajuk: Memohon Kelulusan Bagi Pengeluaran Pesanan Tempatan (LPO) Selepas
Tarikh Program**

Adalah dengan horatnya saya merujuk perkara di atas.

2. Untuk makluman YBhg. Dato', terdapat sejumlah LPO terpaksa dikeluarkan lewat dari tarikh program yang dinyatakan oleh *Person In Charge* (PIC) pada borang RO mereka ke Unit Perolehan ataupun selepas program telah dilaksanakan dengan sempurna. Masalah ini terjadi adalah disebabkan oleh:

- I. Masalah *network* yang lambat di aras bawah blok produktiviti dan menjejaskan Sistem SAGA di samping Sistem SAGA sendiri yang tidak stabil.
- II. Lambakan RO yang masuk ke Unit PCT bagi mengejar tarikh akhir penghantaran borang tersebut pada 15 Oktober 2020.
- III. Banyak RO yang dihantar untuk mengejar tarikh akhir 15 Oktober 2020 adalah tidak lengkap di mana dokumen yang dihantar tidak cukup di samping butiran di dalam RO itu sendiri yang perlu penambahbaikan. Ini menyebabkan pegawai di Unit PCT terpaksa membuat tindakan susulan terhadap PIC RO tersebut bagi memperbetulkan cara pengisian borang mereka di samping mendapatkan dokumen tambahan.

3. Sehubungan dengan itu, saya ingin memohon pertimbangan Y. Bhg. Dato' untuk meluluskan permohonan yang dinyatakan di atas bagi memastikan pembayaran kepada pembekal dapat dibuat dalam masa yang ditetapkan..

4. Pertimbangan daripada YBhg. Dato' amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan ribuan terima kasih.

Sekian, terima kasih.

Disediakan oleh;

(Mahadi Hasbullah)
Pengurus Kanan
Unit Perolehan (PCT)

30/11/2020

Disokong oleh;

(Mohd Yazid Abdul Majid)
Pengarah MSF

30/11/2020

Diluluskan/ Tidak Diluluskan

(Dato' Abdul Latif Haji Abu Seman)
Ketua Pengarah
Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC)